

CHOGM - MAHATHIR
DARIPADA SYED JAMIL JAAFAR
(1)

NASSAU (BAHAMAS), 17 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEMALAM MENGGARISI BAHAWA SEMUA NEGARA PERLU BERPEGANG KEPADA NILAI-NILAI BERSAMA DAN KERJASAMA UNTUK MENYELESAIKAN BEBERAPA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH DUNIA.

KATANYA, MEMANG BENAR SEMUA NEGARA BERADA DALAM SATU DUNIA, TETAPI PADA HAKIKATNYA MEREKA DIBAHAGIKAN KEPADA BEBERAPA BAHAGIAN DI DUNIA, PELBAGAI KUMPULAN DENGAN PELBAGAI PENDAPAT DAN KEDUDUKAN.

TETAPI, KATA BELIAU, MEREKA SEMUANYA BERKONGSI PERSAMAAN NILAI-NILAI

-- HAK KEBEBASAN, KEINGINAN UNTUK MENDAPAT KEADILAN DAN PERSAMAAN.

TANPA MENGIRA PERBEZAAN SISTEM IDEOLOGI NEGARA-NEGARA BOLEH BEKERJA BERSAMA JIKA MEREKA BERPEGANG KEPADA NILAI-NILAI ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KEPADA PRESIDEN DAN PARA PERDANA MENTERI YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL DI SINI.

BELIAU MERUPAKAN PERDANA MENTERI TERAKHIR DARIPADA SEMBILAN KETUA-KETUA KERAJAAN BERUCAP MENGENAI ALIRAN DAN PERPEKTIF DUNIA, IAITU PERDEBATAN YANG DIMULAKAN OLEH PERDANA MENTERI BRITAIN, PUAN MARGARET THATCHER DAN PERDANA MENTERI INDIA, ENCIK RAJIV GANDHI. --
LAGI

CHOGM - MAHATHIR 2 NASSAU

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, TAN SRI ZAINAL ABIDIN SULONG MEMBERITAHU PEMBERITA MALAYSIA BAHAWA PERDANA MENTERI MENEGASKAN DENGAN LANTANG PENENTANGAN TERHADAP SEBARANG KOMPROMI PRINSIP TIDAK CAMPUR TANGAN DALAM HAL EHWAL NEGARA LAIN.

SAMBIL MERUJUK KEPADA SOKONGAN CAMPURTANGAN LUAR DI GRENADA, BELIAU BERKATA KUASA-KUASA BESAR MAMPU BUKAN HANYA CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL NEGARA LAIN, TETAPI JUGA MAMPU MENAIKKAN KEMARAHAN RAKYAT SESEBUAH NEGARA SUPAYA MEMBOLEHKAN CAMPURTANGAN ITU.

BELIAU BERKATA JIKA PRINSIP TIDAK CAMPURTANGAN DAN TIDAK MENCEROBOHI DIKETEPIKAN, NEGARA-NEGARA KECIL DI DUNIA TIDAK AKAN SELAMAT.

TAN SRI ZAINAL BERKATA PERDANA MENTERI JUGA MENINGKRIK MEDIA MASSA DUNIA, TERUTAMA AKHBAR-AKHBAR BARAT YANG DIKATAKANNYA MENGUASAI PENDAPAT DUNIA PADA KETIKA NEGARA-NEGARA KECIL TIDAK MAMPU BERBUAT DEMIKIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGARISI KEPENTINGAN KESERDERHAAN TETAPI KESAL BAHAWA EKSTREMISME DIUTAMAKAN, MENYEBABKAN IA TIDAK MEMBANTU NEGARA YANG BERPENDIRIAN SEDERHANA.

BELIAU JUGA BERUCAP MENGENAI MASALAH DADAH DAN MERAYU SUPAYA TINDAKAN ANTARABANGSA DIAMBIL UNTUK MEMERANGI ANCAMAN ITU.

SAMBIL MENYIFATKAN PENAGIH DADAH SEBAGAI +BANGKAI BERNYAWA,+ BELIAU BERKATA KEPADA PARA PEMIMPIN KOMANWEL MENGAPA MALAYSIA MENDAPATI PERLU HUKUMAN BERAT DIKENAKAN KE ATAS PENGEDAR DADAH. --
BERNAMA

1237MST 18 10 85